



GARIS PANDUAN *Potongan Cukai*

Penajaan Aktiviti Kesenian, Kebudayaan
dan Warisan Di Bawah Perenggan
34[6][k] Akta Cukai Pendapatan 1967

GUIDELINES ON *Tax Deduction*

Sponsorship for Arts, Cultural and Heritage Activities
Under Section 34[6][k] Income Tax Act 1967



Cetakan 2023

HAK CIPTA TERPELIHARA

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Diterbit oleh:



Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 4, Menara 1
No. 2, Jalan P5/6, Presint 6
62200 Putrajaya

Cetakan oleh:

OMR Press Sdn. Bhd
No. 18 Jalan Industri Usj 1/12,
Taman Perindustrian Usj I,
47600 Subang Jaya Selangor.


GARIS PANDUAN

Potongan Cukai

Penajaan Aktiviti Kesenian,
Kebudayaan dan Warisan Di Bawah
Perenggan 34[6][k] Akta Cukai
Pendapatan 1967

Tax Deduction

Sponsorship for Arts, Cultural and Heritage Activities
Under Section 34[6][k] Income Tax Act 1967





KANDUNGAN

Pengenalan	4
Tujuan	4
Objektif	4
Had Potongan	5
Bentuk Program/Aktiviti/Acara Yang Dilaksanakan	5
Kriteria Bidang Tajaan Bagi Program/Aktiviti/Acara Yang Layak Dipertimbangkan	8
Kriteria Penajaan	14
Prosedur Am Permohonan	16
Fasa Permohonan	18
Kaedah Permohonan	20
Prosedur Pemantauan	22
Penghargaan Kepada Kerajaan	22
Contoh Borang Permohonan	
Lampiran A - Borang (DK/1-SSP)	26
Lampiran B - Borang (DK/2-SPC)	28
Lampiran C - Surat Sokongan Penajaan	31
Lampiran D - Surat Kelulusan Penajaan	33
Lampiran E - Carta Aliran Kerja Prosedur Permohonan dan Proses Penilaian	35



1.0 PENGENALAN

- 1.1 Dalam usaha untuk membangunkan kesenian, kebudayaan dan warisan, pihak kerajaan melalui Bajet 2020 telah meningkatkan had potongan cukai sehingga RM1 juta bagi satu tahun taksiran yang bertujuan menggalakkan tajaan bagi aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan melalui Potongan Cukai, Penajaan Aktiviti Kesenian, Kebudayaan dan Warisan di bawah perenggan 34(6)(k) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP1967).
- 1.2 Penajaan bagi aktiviti kesenian, kebudayaan dan/atau warisan yang layak adalah bagi program yang dianjurkan oleh pihak kementerian, jabatan/agensi kerajaan, swasta atau NGO.
- 1.3 Aktiviti kesenian, kebudayaan dan/atau warisan yang ditaja hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi melayakkan potongan di bawah perenggan 34(6)(k) ACP1967.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung kriteria dan prosedur am permohonan potongan cukai penajaan di bawah perenggan 34(6)(k) ACP1967 ke atas penajaan program/aktiviti/acara berkaitan kesenian, kebudayaan dan/atau warisan.

RM 1,000,000.00 RM 300,000.00

Tajaan Kesenian, Kebudayaan
dan Warisan Tempatan

Tajaan Kesenian,Kebudayaan
dan Warisan Luar Negara

3.0 OBJETIF

- 3.1 Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta dan korporat untuk lebih aktif dalam penajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan/atau warisan yang disokong dan diluluskan MOTAC.

Nota: Boleh ambil info dalam cetakan terdahulu.

1.0 INTRODUCTION

- 1.1 In the efforts to develop arts, culture and heritage, the government through Budget 2020 has increased the tax deduction limit up to RM1 million for one assessment year to encourage sponsorship for arts, culture or heritage activities through Tax Deductions, Sponsoring of Arts, Cultural and Heritage Activities under Section 34(6)(k) of the Income Tax Act 1967 (ITA1967).
- 1.2 Sponsorship for eligible arts, cultural and/or heritage activities is for programmes organized by ministries, government departments/agencies, the private sector, NGOs or associations.
- 1.3 Sponsored arts, cultural and/or heritage activities must be approved by the Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) to qualify for deductions under Section 34(6)(k) of the ITA1967.

2.0 PURPOSE

- 2.1 These guidelines are prepared to provide an explanation regarding the criteria and general procedures for applying the sponsorship tax deductions under Section 34(6)(k) of the ITA1967 on the sponsoring of programmes/activities/events related to arts, culture and/or heritage.

RM 1,000,000.00 RM 300,000.00

Sponsorship of **Local** Arts,
Culture and Heritage

Sponsorship of **Foreign** Arts,
Culture and Heritage

3.0 OBJECTIVES

- 3.1 To encourage a more active involvement of the private and corporate sectors in sponsoring arts, cultural and/or heritage activities supported and approved by MOTAC.

Note: Can take info in the previous print.

4.0 HAD POTONGAN

- 4.1 Berdasarkan kepada perenggan 34(6)(k) ACP1967, amaan yang dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar adalah perbelanjaan yang dilakukan bagi penajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan/atau warisan yang diluluskan seperti berikut:

JENIS PERMOHONAN	HAD POTONGAN CUKAI (RM)
Penajaan program/aktiviti/acara berkaitan kesenian, kebudayaan dan/atau warisan <u>TEMPATAN</u>	tidak melebihi satu juta ringgit (RM1juta)
Penajaan program/aktiviti/acara berkaitan kesenian, kebudayaan dan/atau warisan <u>ASING/LUAR</u>	tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit (RM300ribu)

NOTA: Agregat kedua-dua penajaan mestilah tidak melebihi satu juta ringgit (RM1juta).

- 4.2 Surat kelulusan potongan cukai (penaja) hendaklah disimpan dan perlu dikemukakan semasa pemeriksaan audit oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

5.0 BENTUK PROGRAM/AKTIVITI/ACARA YANG DILAKSANAKAN

- 5.1 Sebarang program/aktiviti/acara yang mengangkat martabat dan melestarikan kesenian, kebudayaan dan/atau warisan sahaja yang layak dipertimbangkan seperti berikut:

4.0 DEDUCTION LIMIT

- 4.1 According to Section 34(6)(k) of the ITA1967, the allowed amount deducted from the gross income is the expenditure incurred for the sponsorship of approved arts, cultural and/or heritage activities as follows:

TYPE OF APPLICATION	TAX DEDUCTION LIMIT (RM)
Sponsorship of programmes/activities/events related to <u>LOCAL</u> art, culture and/or heritage	not exceeding one million Ringgit (RM1 million)
Sponsorship of programmes/activities/ events related to <u>FOREIGN</u> art, culture and/or heritage	not exceeding three hundred thousand Ringgit (RM300 thousand)

NOTE: The aggregate of both sponsorships must not exceed one million Ringgit (RM1 million)

- 4.2 The tax deduction for sponsorship approval letter (sponsor) must be kept and submitted during the audit inspection by the Inland Revenue Board of Malaysia (LHDN).

5.0 ELIGIBLE PROGRAMMES/ACTIVITIES/EVENTS OF SPONSORSHIP

- 5.1 Any programmes/ activities/ events that elevate the prestige and preserve art, culture and/or heritage is eligible as follows:

No.	Aktiviti/Program
01.	Pementasan/Persembahan/Konsert
02.	Penganjuran Festival/Pesta
03.	Pameran/Ekspo
04.	Persidangan/Seminar/Bengkel/Simposium/Wacana
05.	Pemeliharaan/Pemuliharaan/Perlindungan
06.	Penyelidikan/Pendokumentasian/Pencetakan
07.	Rakaman/Penggambaran
08.	Pertandingan
09.	Penghargaan/Pengiktirafan/Apresiasi
10.	Pendidikan/Pembelajaran
11.	Penggalakan/Pengembangan
12.	Pemasaran/Promosi Produk
13.	Inovasi
14.	Pembangunan Kandungan
15.	Penyimpanan/Pewujudan Rekod/Data
16.	Lain-lain program/aktiviti/acara berkaitan kesenian, kebudayaan dan/atau warisan yang diperakui oleh MOTAC

6.0 KRITERIA BIDANG TAJAAN BAGI PROGRAM/AKTIVITI/ACARA YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN

- 6.1 Sebarang bidang tajaan mestilah memenuhi pelbagai kriteria bagi kelayakan potongan cukai yang dikeluarkan oleh MOTAC selari dengan bidang fokus seni, budaya dan warisan seperti dinyatakan dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 seperti berikut:

No.	Activities/Programme
01.	Stage performances/Performances/Concerts
02.	Festivals/Feast
03.	Exhibitions/Expo
04.	Conferences/Seminars/Workshops/Symposiums/Discourses
05.	Preservation/Conservation/Protection
06.	Research/Documentation/Printing
07.	Recording/Filming
08.	Competitions
09.	Appreciation/Recognition
10.	Education/Learning
11.	Promotion/Development
12.	Marketing/Product Promotion
13.	Innovation
14.	Content Development
15.	Archiving/Creation of Records/Data
16.	Other programmes/activities/events related to arts, culture and/or heritage certified by MOTAC

6.0 SPONSORSHIP CRITERIA FOR PROGRAMMES/ACTIVITIES/ EVENTS

- 6.1 Any sponsored areas must meet the various criteria for tax deduction eligibility issued by MOTAC in line with the focus areas of art, culture and heritage as stated in the National Cultural Policy (DAKEN) 2021 as follows:





WARISAN	
Bahasa dan Kesusastraan	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu • Bahasa Ibunda/Etnik • Sastera Rakyat • Sastera Tradisi • Sastera Moden
Adat dan Budaya	<ul style="list-style-type: none"> • Adat yang sebenar • Adat • Adat yang teradat • Adat yang diadatkan • Adat Istiadat
Kearifan Tempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Makanan Warisan • Seni Mempertahankan Diri • Permainan Rakyat/Tradisi • Perubatan Tradisi • Perayaan/Festival • Kraftangan • Penulisan

SENI	
Seni Visual	<ul style="list-style-type: none"> • Catan • Karya Atas Kertas • Arca dan Objek Seni
Seni Persembahan (Tradisional)	<ul style="list-style-type: none"> • Muzik • Tari • Teater

HERITAGE	
Language and Literature	<ul style="list-style-type: none"> • Malay Language • Mother Tongue/Ethnic Language • Folk Literature • Traditional Literature • Modern Literature
Customs and Culture	<ul style="list-style-type: none"> • Natural Customs • Accepted Customs • General Customs • Ceremonial Customs
Local Insights	<ul style="list-style-type: none"> • Heritage Food • Martial arts • Folk/Traditional Games • Traditional Medicine • Celebrations/Festivals • Handicraft • Writing

ARTS	
Visual Arts	<ul style="list-style-type: none"> • Painting • Works on Paper • Sculptures and Art Objects
Performing Arts (Traditional)	<ul style="list-style-type: none"> • Music • Dance • Theatre

MEDIA	
Audio Visual (seni/budaya/warisan/sejarah tempatan)	<ul style="list-style-type: none"> • Dokumentasi • Filem
Media Baharu (seni/budaya/warisan/sejarah tempatan)	<ul style="list-style-type: none"> • Perisian • Kandungan Digital • Permainan Video • Animasi • Grafik
PENCIPTAAN	
Rekaan (tradisional/budaya tempatan)	<ul style="list-style-type: none"> • Rekaan Dalaman • Busana/Fesyen • Aksesori • Seni Bina dan Lanskap

Nota: Lain-lain bidang fokus seni budaya atau warisan yang diperakui oleh MOTAC

7.0 KRITERIA PENAJAAN

- 7.1 Kriteria tajaan bagi kesenian, kebudayaan dan/atau warisan tempatan dan asing/luar yang telah ditentukan oleh MOTAC adalah seperti berikut:

NO.	KRITERIA PENAJAAN
01.	Pemberian Tunai
02.	Bayaran Artis/Ikhtisas
03.	Pembelian Barang/Peralatan
04.	Pembayaran kos penganjuran aktiviti seperti kos makan minum, logistik, penginapan, sewaan tapak, teknikal atau sistem bunyi dan penataan cahaya, sewaan khemah, hiasan, keselamatan, peralatan dan utiliti
05.	Hadiah

MEDIA	
Audio Visual (local arts/culture/ heritage/history)	<ul style="list-style-type: none"> • Documentation • Film
New Media (local arts/ culture/ heritage/ history)	<ul style="list-style-type: none"> • Software • Digital Content • Video Games • Animation • Graphics
CREATION	
Design (traditional/local culture)	<ul style="list-style-type: none"> • Interior Design • Fashion • Accessories • Architecture and Landscape

Note: Other focus areas of art, culture or heritage certified by MOTAC

7.0 SPONSORSHIP CRITERIA

7.1 The sponsorship criteria for local and foreign arts, culture and/or heritage determined by MOTAC are as follows:

NO.	SPONSORSHIP CRITERIA
01.	Cash
02.	Artist and professional fee
03.	Purchase of goods and equipment
04.	Event organising costs such as food and beverages, logistics, accommodation, venue rental, technical or sound system and lighting, decoration, security, equipment and utilities
05.	Prizes

06.	Sumbangan berbentuk 'in kind' seperti peralatan/ kelengkapan/ tempat
07.	Penajaan kos pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan butiran warisan
08.	Penajaan penyelidikan dan pembangunan (R&D)
09.	Penajaan kos pemasaran dan promosi program/ aktiviti/acara
10.	Lain-lain bentuk penajaan yang diperaku oleh MOTAC

8.0 PROSEDUR AM PERMOHONAN

- 8.1 Keterangan program/aktiviti/acara adalah berkaitan memartabatkan nilai kesenian, kebudayaan dan/atau warisan.
- 8.2 Kandungan tidak menyentuh sensitiviti kaum, budaya dan agama.
- 8.3 Tapak atau lokasi program/aktiviti/acara yang sesuai serta mengambil kira aspek keselamatan dan keselesaan. Pemohon perlu mendapatkan surat kebenaran/kelulusan daripada venue provider atau pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi tujuan penganjuran program/aktiviti/acara. Surat ini perlu dikemukakan bersekali semasa permohonan ini dibuat.
- 8.4 Variasi/komposisi melibatkan pelbagai kaum atau lapisan masyarakat (jika program/aktiviti/acara yang berbentuk umum).
- 8.5 Sebarang pindaan, perubahan atau pembatalan pelaksanaan program tersebut perlu dimaklumkan kepada MOTAC secara bertulis untuk mendapat persetujuan dan apa jua pindaan tidak boleh menjejasikan hak dan kewajipan yang berbangkit daripada Surat Sokongan Penajaan.
- 8.6 Pemohon hendaklah memastikan tidak menyalahgunakan surat sokongan penajaan dan surat kelulusan penajaan yang diterima selain dari tujuan asal permohonan.

06.	Donation in kind such as goods, equipment or venue
07.	Costs of preservation, conservation and protection of heritage sites
08.	Costs of research and development activities and programmes
09.	Costs of marketing and promotion activities and programmes
10.	Other forms of sponsorship recognised by MOTAC

8.0 GENERAL APPLICATION PROCEDURE

- 8.1 The description of the programme/activity/event is related to increasing the value of art, culture and/or heritage.
- 8.2 The content does not touch on racial, cultural and religious sensitivities.
- 8.3 The site or location of the programme/activity/event is appropriate and considers aspects of safety and comfort. Applicants need to obtain permission/ approval from the venue provider or local authorities (PBT) for the purpose of organizing the programme/activity/event. The letter must be submitted with this application.
- 8.4 Variations/compositions involving various races or multiple levels of society (if programmes/activities/events of a general nature).
- 8.5 Any amendments, changes or cancellation of the programme implementation must be notified to MOTAC in writing for approval and any amendment cannot affect the rights and obligations arising from the Sponsorship Support Letter.
- 8.6 The applicant must ensure the sponsorship support letter and sponsorship approval letter received are used other than for the original purpose of the application.

9.0 FASA PERMOHONAN

9.1 FASA 1 - MEMOHON SOKONGAN PENAJAAN

- 9.1.1 Mengemukakan permohonan sokongan penajaan bagi penganjuran program/aktiviti/acara berkaitan kesenian, kebudayaan dan/atau warisan **SEBELUM** pelaksanaan program/aktiviti/acara.
- 9.1.2 Bagi mendapatkan Surat Sokongan Penajaan program/aktiviti/acara tersebut pihak pemohon/penganjur dikehendaki mengemukakan permohonan sekurang-kurangnya **30 hari sebelum tarikh pelaksanaan** yang lengkap dengan dokumen berikut:

NO.	DOKUMEN
01.	Borang DK/1-SSP
02.	Surat permohonan daripada pemohon/panganjur
03.	Kertas kerja cadangan program/aktiviti/acara
04.	Anggaran perbelanjaan program/aktiviti/acara
05.	Dokumen sokongan (yang berkaitan)

9.2 FASA 2 - MEMOHON KELULUSAN POTONGAN CUKAI

- 9.2.1 Mengemukakan permohonan kelulusan potongan cukai kepada **MOTAC SELEPAS** perlaksanaan program/aktiviti/acara.
- 9.2.2 Pihak pemohon/panganjur perlu mendapatkan surat **kelulusan potongan**

9.0 APPLICATION PHASES

9.1 PHASE 1 - APPLYING FOR SPONSORSHIP SUPPORT

- 9.1.1 Apply for sponsorship support for the organization of programmes/ activities/ events related to art, culture and/or heritage **BEFORE** the implementation.
- 9.1.2 In order to obtain a Sponsorship Support Letter for the programme/activity/event, the applicant/organizer is required to apply at least **30 days before the implementation date** complete with the following documents:

NO.	DOCUMENT
01.	DK/1-SSP Form
02.	Letter of application from the applicant / organizer
03.	Programme/activity/event proposal
04.	Cost estimation of programme/activity/ event
05.	Supporting documents (if relevant)

9.2 PHASE 2 - APPLYING FOR TAX DEDUCTION APPROVAL

- 9.2.1 Submit the tax deduction approval application to **MOTAC AFTER** the implementation of the programme/activity/ event.
- 9.2.2 The applicant/organizer must obtain a tax **deduction approval letter from MOTAC within**

cukai dari MOTAC dalam tempoh 90 hari selepas tarikh perlaksanaan program/aktiviti/acara dengan mengemukakan dokumen lengkap berikut:

NO.	DOKUMEN
01.	Borang DK/2-SPC
02.	Surat permohonan daripada pemohon/penganjur
03.	Laporan perlaksanaan program/aktiviti/acara
04.	Salinan perjanjian penajaan yang menyatakan bentuk dan jumlah penajaan
05.	Dokumen Sokongan (resit perbelanjaan/bayaran, terimaan – bagi sumbangan wang tunai)
06.	Salinan Surat Sokongan Penajaan program/aktiviti/acara daripada MOTAC
07.	Bahan cetakan/promosi/buku program dan dokumen-dokumen berkaitan (sekiranya perlu)

10. KAEDAH PERMOHONAN

- 10.1 Garis panduan dan borang permohonan boleh diperoleh melalui laman sesawang MOTAC.
- 10.2 Pemohon yang gagal mengemukakan semua dokumen yang lengkap seperti yang dinyatakan di atas akan menyebabkan permohonannya tidak akan dipertimbangkan.
- 10.3 Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan kepada MOTAC seperti butiran berikut:

90 days after the implementation date of the programme/activity/event by submitting the following complete documents:

NO.	DOCUMENT
01.	Form DK/2-SPC
02.	Letter of application from the applicant/organizer
03.	Programme/activity/event implementation report
04.	A copy of the sponsorship agreement stating the form and amount of sponsorship
05.	Supporting documents (receipts of expenses/payments – for cash donations)
06.	A copy of the Sponsorship Support Letter from MOTAC
07.	Printed material/promotion/programme book and related documents (if necessary)

10. METHOD OF APPLICATION

- 10.1 Guidelines and application forms can be obtained through the MOTAC website.
- 10.2 Applicants who fail to submit complete documents as stated will result in their application to not be considered.
- 10.3 A complete application must be submitted to MOTAC with the following details:

**Urus Setia Potongan Cukai Penajaan
Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 4, No.2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya.
Tel: 03-8891 7457/7372/7094
E-mel: insentif@motac.gov.my**

11. PROSEDUR PEMANTAUAN

- 11.1 Bagi tujuan pemantauan, urus setia, panel penilai atau pegawai dari MOTAC/jabatan/agensi berhak menjalankan pemeriksaan dan pemantauan terhadap pelaksanaan program dan acara yang dianjurkan oleh pemohon bagi tujuan pengesahan perlaksanaan program.
- 11.2 Pihak pemohon/penganjur digalakkan untuk memaklumkan dan memanjangkan undangan program/aktiviti/acara kepada pihak MOTAC sebelum program dan acara dilaksanakan.

12. PENGHARGAAN KEPADA KERAJAAN

- 12.1 Semua program dan acara yang mendapat kelulusan potongan cukai penajaan ini hendaklah memberikan penghargaan kepada kerajaan dengan menyatakannya di mana-mana yang sesuai melalui penggunaan logo MOTAC dengan frasa 'disokong oleh' dan kempen-kempen pelancongan dan kebudayaan yang sedang berlangsung.

**The Secretariat of Tax Deduction for Sponsorship
Cultural Policy Division
Ministry of Tourism, Arts and Culture
Level 4, No. 2, Tower 1
Jalan P5/6, Precinct 5
62200 Putrajaya
Tel: 03-8891 7457/7372/7094
E-mail: insentif@motac.gov.my**

11. MONITORING PROCEDURES

- 11.1 For monitoring purposes, the secretariat, evaluation panel or officers from MOTAC/departments/agencies are entitled to carry out inspections and monitoring of the programmes/activities/events organized by the applicant/ organizer to ensure proper implementation.
- 11.2 Applicants/organizers are encouraged to inform and extend invitations to MOTAC prior to the implementation of the programmes/activities/events.

12. ACKNOWLEDGEMENT TO THE GOVERNMENT

- 12.1 All programmes and events approved under this tax deduction for sponsorship must acknowledge the government by expressing through the use of the MOTAC logo with the phrase 'supported by', as well as ongoing tourism and cultural campaigns wherever appropriate.

BIL.	PERKARA	CATATAN
i.	Borang DK/1-SSP	Lampiran A
ii.	Borang DK/2-SPC	Lampiran B
iii.	Surat Sokongan Penajaan	Lampiran C
iv.	Surat Kelulusan Penajaan	Lampiran D
v.	Carta Aliran Kerja Prosedur Permohonan dan Proses Penilaian	Lampiran E

Disediakan oleh:

**Unit Pemerkasaan Industri Budaya
Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya**



BIL.	MATTER	NOTES
i.	Form DK/1-SSP	Attachment A
ii.	Form DK/2-SPC	Attachment B
iii.	Sponsorship Support Letter	Attachment C
iv.	Sponsorship Approval Letter	Attachment D
v.	Workflow Chart for the Application Procedure and Evaluation Process	Attachment E

Prepared by:
Cultural Industry Empowerment Unit
Culture Policy Division
Ministry of Tourism, Arts and Culture



Lampiran A - Borang DK/1-SSP

BORANG (DK/ 1 – SSP)

**BORANG PERMOHONAN SURAT SOKONGAN PENGANJURAN AKTIVITI/
PROGRAM BERKAITAN KESENIAN, KEBUDAYAAN DAN WARISAN**

A. MAKLUMAT MENGENAI PENGANJUR/ WAKIL

1. Nama Penganjur/ Wakil :

.....
.....

2. Alamat Penganjur/ Wakil :

.....
.....

3. No. Tel:..... / No. Faks:..... / Emel:.....

B. MAKLUMAT MENGENAI AKTIVITI/ PROGRAM

4. Tujuan Penganjuran Aktiviti/ Program:

.....
.....

a. Nama Aktiviti/ Program:

.....

b. Tarikh Pelaksanaan:

.....

c. Tempat Pelaksanaan:

.....

d. Peringkat Aktiviti/ Program:

Antarabangsa
Zon/ Daerah

Kebangsaan
Pertubuhan

Negeri
Komuniti

f. Faedah/ Impak Aktiviti/ Program:

[Kertas Kerja Cadangan Aktiviti/ Program Disertakan]

5. Butir-Butir Anggaran Tajaan Aktiviti/ Program

Butiran Penajaan	Jumlah (RM)
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
JUMLAH	

C. PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa semua keterangan yang diberikan di atas adalah benar dan akur dengan sebarang keputusan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Sekiranya didapati terdapat maklumat/dokumen yang diberi adalah palsu, kelulusan yang diberi boleh ditarik balik.

.....
Tandatangan

Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Rasmi :

Lampiran B - Borang DK/2-SPC

BORANG (DK/ 2 – SPC)

BORANG PERMOHONAN SURAT KEBENARAN KELULUSAN POTONGAN CUKAI
DARIPADA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

A. BUTIRAN PROGRAM

1. Nama Penganjur/ Wakil :

.....

2. Alamat Penganjur/ Wakil :

.....

.....

3. No. Tel:...../ No. Faks:...../ Emel:.....

4. Nama Aktiviti/ Program:

.....

5. Tempat dan Tarikh Aktviti/ Program:

6. Butir-Butir Tajaan Aktiviti/ Program:

<u>Bil</u>	<u>Bentuk Tajaan</u> (Tunai/Pembayaran Kos Penganguran Aktiviti/Sumbangan berbentuk <i>In kind</i> dan sebagainya)	<u>Nama Penaja</u>	<u>Jumlah(RM)</u>
1.			
2.			
3.			
<u>JUMLAH</u>			

7. Maklumat Syarikat Penaja:

<u>Bil</u>	<u>Nama Penaja</u>	<u>Alamat</u>	<u>No. Pendaftaran Syarikat</u>	<u>No. Rujukan Cukai Syarikat</u>
1.				
2.				
3.				
4.				

* Sila gunakan lampiran sekiranya tidak mencukupi.

Dengan ini saya sertakan:

- Surat permohonan daripada pengajur.
- Laporan pelaksanaan program.
- Laporan perbelanjaan program.
- Salinan perjanjian penajaan yang menyatakan bentuk dan jumlah penajaan.
- Dokumen sokongan seperti resit pembelian/ bayaran, resit terima (bagi sumbangan wang tunai).
- Salinan Surat Sokongan Penganjuran aktiviti/ program dari kementerian.
- Bahan cetakan/ promosi/ buku program.
- Dokumen-dokumen berkaitan (sekiranya perlu).

*Dokumen-dokumen yang disenaraikan adalah wajib disertakan.

B. PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa semua keterangan yang diberikan di atas adalah benar dan akur dengan sebarang keputusan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Sekiranya didapati terdapat maklumat/dokumen yang diberi adalah palsu, kelulusan yang diberi boleh ditarik balik.

.....
Tandatangan

Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Rasmi :

(KEGAGALAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN POTONGAN CUKAI BAGI TAKSIRAN SEMASA SELEPAS 90 HARI PELAKSANAAN AKTIVITI/ PROGRAM AKAN MENYEBABKAN PERMOHONAN SURAT KEBENARAN KELULUSAN POTONGAN CUKAI DI BAWAH KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN TIDAK DAPAT DIPERTIMBANGKAN)

Lampiran C - Surat Sokongan Penajaan

Rujukan: MOTAC.700-2/1/14 «Rujukan»
Tarikh: «Tarikh»

«Syarikat»
«Address_Line_1»
«Address_Line_2»
«Poskod_Bandar»
«State»

Tuan/Puan,

SOKONGAN PENAJAAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM «tajuk_program»

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengalu-alukan usaha dan inisiatif pihak **«Syarikat»** dalam menganjurkan program **«tajuk_program»** yang diadakan pada **«Tarikh_Program»**. MOTAC menyokong inisiatif ini yang selari dengan penyemarakan aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan.

3. Sehubungan itu, MOTAC bersetuju memberikan sokongan potongan cukai ke atas penajaan aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan selagi penganjuran ini mematuhi garis panduan semasa dan tertaluk kepada terma dan syarat yang termaktub di bawah perenggan 34[6][k] Akta Cukai Pendapatan 1967 dan syarat-syarat berikut:

- i. Pihak **«Syarikat»** perlu mengambil perhatian bahawa penganjuran program/aktiviti/acara hendaklah tidak melibatkan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran agama, budaya dan tradisi masyarakat majmuk di negara ini serta tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan atau mengganggu-gugat kestabilan politik, ekonomi, sosial, ketenteraman awam serta keselamatan negara.
- ii. Penganjuran program/aktiviti/acara tersebut tertaluk kepada undang-undang, tatacara pengendalian piawai (SOP), kaedah-kaedah, dasar-dasar nasional serta perintah-perintah yang sedang berkuat kuasa di Malaysia.
- iii. **Dokumen ini merupakan surat sokongan bagi penajaan dan ia bukan kelulusan potongan cukai.** Pihak tuan/puan perlu mengemukakan semula permohonan kelulusan potongan cukai bagi pihak penaja setelah program ini dilaksanakan dengan menggunakan BORANG DK 2-SPC kepada MOTAC dalam tempoh **90 hari selepas** tarikh pelaksanaan program/aktiviti/acara berkenaan.

MOTAC.700-2/1/14 «Rujukan»

SOKONGAN PENAJAAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM «tajuk_program»

4. Untuk makluman tuan/puan, MOTAC mempunyai hak untuk meminda, mengubah atau menarik balik keputusan ini pada bila-bila masa sekiranya pihak «**Syarikat**» tidak mematuhi atau melanggar salah satu syarat yang ditetapkan dalam Surat Sokongan Penajaan ini. Selain itu, sokongan yang diberikan ini tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan mahupun perundangan kepada pihak MOTAC.
5. Sebarang pertanyaan berkaitan, tuan/puan dialu-alukan untuk menghubungi pihak urus setia di talian 03-8891 7537/7094/7399/7372 atau e-mel kepada insentif@motac.gov.my. Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(MUNAWATI YAACOB)
Bahagian Dasar Kebudayaan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

s.k.:

Edaran Dalam

- i. YBhg. Datuk Hajah KSU
- ii. YBrs. TKSU (K)

Edaran Luar

Pengarah

Jabatan Dasar Pencukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil, Aras 17
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya, SELANGOR

Lampiran D - Surat Kelulusan Penajaan

CP «NO_CP»

Rujukan: MOTAC.700-2/1/14 «RUJUKAN»

Tarikh: «TARIKH»

«SYARIKAT_PENAJA»

«ALAMAT_1»
«ALAMAT_2»
«ALAMAT_3»
«ALAMAT_4»
«ALAMAT_5»

Tuan,

KELULUSAN POTONGAN CUKAI DI BAWAH PERENGGAN 34(6)(k), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI PENAJAAN PROGRAM «PROGRAM»

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Terlebih dahulu Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada «SYARIKAT_PENAJA» («nomor_rujukan_cukai»:) atas kesudian menaja program «PROGRAM» pada «TARIKH_PROGRAM» yang bertempat di «TEMPAT». Penajaan program ini sebegini secara tidak langsung telah membantu kerajaan dalam usaha melestarikan seni, budaya dan warisan agar dapat dihayati oleh generasi muda.

3. MOTAC telah meneliti dan MELULUSKAN potongan cukai bagi penajaan kepada «SYARIKAT_PENAJA» berjumlah RM«JUMLAH_TAJAAN_RM» (Ringgit Malaysia: «JUMLAH_TAJAAN_WORDS») selari dengan peruntukan di bawah Perenggan 34(6)(k) Akta Cukai Pendapatan 1967.

4. Semoga penajaan kepada aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan seperti ini akan membuka peluang dan ruang kepada industri seni negara dan sekaligus menyumbang kepada pendapatan sosioekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. TAN AWANG BESAR)

Bahagian Dasar Kebudayaan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MALAYSIA

MOTAC.700-2/1/11«RUJUKAN»

KELULUSAN POTONGAN CUKAI DI BAWAH PERENGGAN 34(6)(k), AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI PENAJAAN PROGRAM «PROGRAM»

s.k.:


EDARAN DALAMAN

1. YBhg. Datuk Hajah KSU
2. YBrs. TKSU (K)

EDARAN LUAR

1. **Pengarah**
Jabatan Dasar Pencukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil, Aras 17
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya, SELANGOR
2. **«PEMOHON»**
«ADDRESS_1»
«ADDRESS_2»
«ADDRESS_3»
«ADDRESS_4»
«ADDRESS_5»

Lampiran E - Carta Aliran Kerja Prosedur Permohonan dan Proses Penilaian

SOP INSENTIF POTONGAN CUKAI



Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 4, Menara 1
No. 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya